

30 SEP 2002

Nik Aziz-Maaf

NIK AZIZ KIRIM SURAT KEPADA PERDANA MENTERI

KOTA BAHARU, 30 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini mengirim sepucuk surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi "menjernihkan suasana" berhubung dakwaannya bahawa Perdana Menteri tidak tahu membaca al-Quran.

Setiausaha Politik Menteri Besar Anual Bakhri Haron berkata surat peribadi satu muka surat itu dihantar bagi menyambut baik kenyataan Dr Mahathir yang sudi memaafkan Nik Aziz berikutan kenyataan berkenaan.

"Melalui kiriman surat ini maka selepas ini dianggap peristiwa yang berlalu telah dapat diselesaikan dengan baik," kata beliau kepada pemberita di pejabat Menteri Besar di Kota Darul Naim hari ini.

Semalam, Perdana Menteri sekembalinya ke tanah air selepas menghadiri mesyuarat Asia-Eropah Keempat di Denmark dan lawatan peribadi ke Eropah, berkata beliau memaafkan Nik Aziz berkaitan tuduhan itu.

Dr Mahathir juga menasihati Mursyidul Am PAS itu supaya tidak terlalu banyak bercakap bagi mengurangkan kesilapan.

Rabu lepas, Nik Aziz menyatakan sedia membuat permohonan maaf di hadapan umum selepas mengakui beliau tersilap cakap apabila membuat tuduhan berkenaan semasa berceramah pada 18 Sept lepas.

Anual berkata Nik Aziz tidak mahu bertemu dengan petugas media yang berkumpul di pejabatnya hari ini kerana beliau merasa segala kenyataan lisan yang dibuatnya selama ini berkaitan isu berkenaan sudah mencukupi.

Sambil memegang sepucuk surat yang hendak dihantar kepada Perdana Menteri itu, Anual berkata melalui surat itu maka tidak lagi berbangkit desakan supaya Nik Aziz membuat permohonan maaf secara terbuka di khalayak ramai.

"Tidak lagi berbangkit (maaf secara terbuka) kerana semuanya telah selesai dengan baik," katanya.

-- BERNAMA

RAR NMO